

**Muhyiddin Lawat Perak Khamis
Bernama
11 Julai, 2012**

IPOH, 11 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin akan mengadakan lawatan kerja sehari ke Perak pada Khamis.

Menurut program yang dikeluarkan Pejabat Timbalan Perdana Menteri, beliau dijadual memulakan lawatan dengan melancarkan Mini-RTC (Pusat Transformasi Luar Bandar) Sungai Siputeh di Selama.

Muhyiddin kemudiannya akan merasmikan Hotel Taiping Perdana di Medan Koperasi, Taiping.

Timbalan Perdana Menteri dijadual mengakhiri lawatannya dengan menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Bangunan Umno Taiping di Jalan Kota Kampung Jambu, Taiping pada 4 petang.

Sebanyak 240 buah Medan Infodesa (MID) di seluruh negara akan ditukar menjadi Mini RTC dengan 77 darinya dijangka dilaksanakan pada tahun ini.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679809>